

# UMS terap budaya keusahawanan

UB 10/4/2011 A2

Oleh SITI AISYAH NARUDIN

aisyahub@gmail.com

KOTA KINABALU: Bagi membudayakan dan menerapkan semangat keusahawanan kepada golongan mahasiswa, Universiti Malaysia Sabah (UMS), melalui Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB) menganjurkan Seminar Asas Pembudayaan Keusahawanan.

Pengarah program, Roshayati Hussin berkata seminar itu dikendalikan oleh kumpulan 'Smart Organisation' di bawah bimbingan pihak PPIB yang bertujuan untuk mendedahkan kepada para mahasiswa tentang bidang perniagaan.

Menurutnya, walaupun pengetahuan asas dan teori keusahawanan telah dipelajari melalui kuliah bagi subjek Asas Pembudayaan Keusahawanan, namun ia masih belum mencukupi.

Justeru, melalui seminar seumpama itu, para pelajar diperkasakan dengan pengetahuan dunia perniagaan yang sebenar daripada perkongsian pengalaman oleh penceramah.

"Para mahasiswa didedahkan dengan pengetahuan termasuklah dari aspek falsafah, analisis kompetensi diri keusahawanan, teknik, teori, praktikal dan etika perniagaan," katanya ketika berucap pada majlis itu.

Roshayati berkata, seminar itu juga dapat memberi motivasi kepada bakal usahawan untuk bersedia dengan kehadiran pelbagai ragam pelanggan sebagai pelabur dalam sesebuah perniagaan yang akan dijalankan.

Tambahnya, ia juga melatih para bakal usahawan dari kalangan siswazah UMS agar lebih peka dan mahir dalam mengendalikan sesebuah perniagaan dengan sokongan elemen falsafah keusahawanan.

Selain itu, katanya, secara tidak langsung mereka juga dapat mengenalpasti peluang sedia ada dalam perniagaan yang memberi persaingan sihat.

Seramai tiga orang panel jemputan menyampaikan ceramah pada seminar itu iaitu Pengurus Besar Institusi Kecantikan Nuvis Sabah Ani Mohd Ridzuan, Pegawai



**TURUT SERTA ...** Antara pelajar yang hadir semasa seminar berkenaan.

Eksekutif Perbadanan Perusahaan Kecil dan Sederhana (SME Corp) Malaysia Muhammad Fadzullah Md Faudzi dan Pengarah Borneo Network Kahar Jamaliddin.

Seminar itu turut melibatkan pelajar dari enam buah sekolah termasuklah Sekolah Perubatan (SPU), Sekolah Sains Sosial (SSS), Sekolah Pengajian Seni (SPS),

Sekolah Perniagaan dan Ekonomi (SPE), Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial (SPPS), dan Sekolah Psikologi dan Kerja Sosial (SPSiKS).



**PERASMIAN ...** Musa merasmikan Majlis Hari Terbuka Sekolah Menengah St Francis Xavier, Keningau pagi kelmarin dengan membuka tabir plak.